

Jenayah dapat diatasi jika rakyat bermoral

Ⓟ U.M. 28 APR 1993

KUALA LUMPUR 27 April — Masalah jenayah yang berlaku dalam satu-satu masyarakat hanya akan dapat diatasi sekiranya masyarakat tersebut mempunyai nilai moral serta etika yang tinggi, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, sekiranya kedua-dua aspek tersebut berada pada tahap yang rendah, masalah jenayah bukan sahaja akan terus merebak malah akan menghadkan kemampuan mencapai kejayaan dan mengekalkan kemakmuran hidup masyarakatnya.

"Keadaan ini lambat laun akan memusnahkan masyarakat itu sendiri," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Etika Perniagaan: Kepimpinan dan Tanggungjawab Korporat, di Genting Highlands, dekat sini, hari ini.

Seminar itu dihadiri oleh tokoh-tokoh korporat dan institusi kewangan negara ini.

Dr. Mahathir menambah, masyarakat Malaysia seharusnya menghargai bahawa kekuatan mana-mana masyarakat sekalipun terletak kepada kemampuan menggabungkan nilai moral dan etika dalam budaya hidup sebagai asas kepada perjuangan ekonomi dan sosial.

Katanya, walaupun masyarakat Malaysia bukanlah satu masyarakat majmuk daripada segi kebudayaan, kepercayaan agama, sejarah dan pengalaman selama ini telah mengajar bahawa nilai-nilai fundamental seperti kejujuran, ketsetiaan, kesepaduan, kesaksamaan serta keadilan adalah antara faktor yang membawa kepada kestabilan hidup mereka.

"Dalam mencapai sasar-

an ekonomi dan tahap profesional seseorang individu biasanya sentiasa berhadapan dengan dilema moral dan etika.

"Sesetengah kita, berasaskan kepada pendidikan keluarga, serta kepercayaan agama merasa sedar tentang perlunya menilai benar atau salah keadaan tersebut," katanya lagi.

Sebahagiannya pula, kata Dr. Mahathir, mungkin kabur dengan hadiah atau pemberian sehingga tidak berdaya membezakan antara yang baik dengan yang buruk.

"Alasan-alasan yang diberikan pula sentiasa diadakan bagi membela-kangkan nilai-nilai moral dan etika, di mana perbuatan kali pertama biasanya amat payah dilakukan tetapi sekali halangan moral berjaya diatasi, amatlah mudah untuk melupakan segala nilai dan perbuatan baik selepas itu.